

TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UniMAP
SEMPENA
MAJLIS ANUGERAH GEMILANG SISWA UniMAP 2009
14 MAC 2010

Bismillah Hirrahan Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam
Sejahtera

Yang Berhormat Tuan Jafperi Bin Othman, Wakil kepada Menteri
Besar Perlis,

Y.Bhg. Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor (Akademik
dan Antarabangsa)

Y.Bhg. Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)

Pegawai-Pegawai Utama Universiti, Dekan-dekan dan Ketua-Ketua
Jabatan, Wakil-wakil Media,

Kakitangan dan para mahasiswa UniMAP serta hadirin yang
dikasihi sekalian.

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama pada Majlis Anugerah Gemilang Siswa Tahun 2009 pada malam ini. Terlebih dahulu, saya bagi pihak Universiti Malaysia Perlis , mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran YB Jafperi yang mewakili YAB Menteri Besar, dif-dif jemputan serta penerima-penerima anugerah ke Majlis Anugerah Gemilang Siswa pada malam ini.

Terima kasih kerana sudi meluangkan masa untuk hadir bersama-sama bagi meraikan para penerima anugerah pada malam ini. Saya percaya dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan, Majlis pada malam ini akan bertambah meriah dan memberikan seribu makna yang signifikan kepada para penerima untuk terus menempa kecemerlangan pada masa hadapan.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Jawatankuasa Pelaksana Majlis Anugerah Gemilang Siswa 2009, khususnya Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni kerana telah menganjurkan majlis tahunan ini untuk kali yang ke-5 dengan jayanya.

(My outmost gratitude and “WELL DONE” to the organizing committee of the Student Excellence Award 2009, specifically the

Student Affairs Department and Alumni for successfully running this annual function for the fifth (5th) consecutive time.)

Komitmen, semangat gigih dan kerjasama yang diberikan oleh seluruh ahli jawatankuasa untuk memastikan kejayaan majlis pada malam ini amatlah saya hargai.

Saya juga ingin mengucapkan **tahniah dan syabas kepada bakal penerima anugerah bagi tahun 2009** (Also congratulations and well done to the UniMAP Excellence Award candidates for 2009) di atas kecemerlangan dan kejayaan anda dalam menempa nama untuk menjadi penerima anugerah yang penuh berprestij dan bermakna ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Menyingkap kembali pada tahun 2009 yang lalu, **saya telah menyeru seluruh warga UniMAP bersama-sama berusaha untuk mengangkat martabat dan nama universiti ke satu tahap yang lebih tinggi dan menjadi lebih dinamik dengan menjelmakan “wajah” baru UniMAP sejajar dengan peredaran arus masa.**

(I have always encouraged all the UniMAP staff to not only put in their best efforts in order to collectively raise the status and name of UniMAP but also to become more dynamic so that the image of UniMAP would be constantly in line with the latest trends.)

Dalam kepantasan waktu ini, saya berpaksikan kepada kepercayaan bahawa sesuatu perubahan untuk meraih kecemerlangan mesti bermula dengan ketekunan diri sendiri.

(any form of change to attain excellence must always begin from ones' own diligence and effort)

Namun demikian 2010 pastinya memberi manfaat kepada seluruh warga UniMAP untuk berhadapan dengan “ Menyangga Agenda Perubahan Dan Inovasi ” dalam usaha mencapai Wawasan 2020 berlandaskan konsep 1 Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

(“Embrace the Change and Innovation Agenda” in the effort to achieve vision 2020 that is based on the 1 Malaysia Concept: Precedence to Citizens, Achievements are Prioritized)

Saya yakin melalui usaha tanpa mengenal erti jemu, hasrat UniMAP untuk menjadi universiti bertaraf antarabangsa dan penyumbang kepada agenda pembangunan negara akan dapat direalisasikan dengan wujudnya mahasiswa yang berdaya maju dalam penerokaan ilmu dan kecemerlangan sahsiah.

(to become a world class university and one that is able to contribute to the national development agenda that can only be realized with the existence of graduates who are ambitious in the search for knowledge and morale excellence)

Justeru, UniMAP secara proaktif dan bersepadu telah **berusaha membangunkan perkhidmatan, prasarana dan infrastruktur yang menggalakkan kecemerlangan akademik dan personaliti pelajar bagi mencapai cita-cita tersebut.**

(in the attempts to upgrade the service, facilities and infrastructure that encourage academic excellence and shape ideal student personalities in order to achieve the vision.)

Universiti Malaysia Perlis sentiasa menyokong dan berusaha membangunkan aktiviti serta program yang sejajar dengan matlamat universiti untuk melahirkan mahasiswa yang berkualiti, berdaya saing dan berupaya untuk terus maju melalui pembelajaran yang berterusan. Usaha murni ini seiring hasrat kerajaan menyediakan modal insan yang memiliki ciri-ciri keperibadian yang unggul serta minda kelas pertama untuk menerajui pembangunan negara.

Penglibatan mahasiswa dalam kemajuan ilmu dan pembangunan sahsiah, dapat mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan bertamadun tinggi dengan nilai dan sifat sendiri yang mapan.

(Involvement of students in the latest developments of knowledge and morale is able to create a society that is civilized, peaceful and self-governing)

UniMAP sedaya upaya ingin melahirkan pelajar yang mempunyai sifat kepimpinan sejati dan sentiasa berupaya meningkatkan potensi diri dengan penuh rasa tanggungjawab dan amanah demi menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan negara pada masa akan datang.

Hadirin dan hadirat Sekalian,

Anugerah Gemilang Siswa ini diadakan dengan hasrat menjadi pendorong dan motivasi kepada seluruh pelajar kampus untuk menyiapkan diri ke arah penghayatan ilmu yang lebih bermakna

(This Student Excellence Award 2009 is held with the sole purpose of motivating and encouraging all UniMAP students to groom themselves towards embracing knowledge that is more meaningful.

di sepanjang pengajian di UniMAP. Sesungguhnya ilmu yang ditimba bukan sahaja terletak dan berada di dalam dewan-dewan kuliah dan makmal.

Akan tetapi ilmu di menara gading ini berada di mana-mana sahaja, boleh dipelajari, diikuti dan ditimba setiap detik dan ketika sewaktu pelajar berada di kampus lembah ilmu ini. Semuanya terletak di tangan pelajar untuk menilai dan menerima ilmu yang baik, agar dapat diterjemahkan dalam kehidupan harian sebagai pelajar, mahupun setelah bergraduat nanti. **Anugerah Gemilang Siswa ini telah diadakan sebanyak 5 tahun iaitu bermula pada Tahun 2005 dan yang terkini pada Tahun 2009 ini.**

(This Student Excellence Award 2009 has been held for the past 5 consecutive years beginning in the year 2005 till 2009).

Bagi memastikan status anugerah penganjuran kali ke-5 ini lebih berprestij, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni selaku pengelola telah menubuhkan Jawatankuasa Panel Pemilih bagi memilih calon yang berkelayakan.

(In order to ensure that the status for this 5 time organization of the excellence award is more prestigious, the Student Affair Department cum Organizer had set up a Special Committee to select eligible and deserving candidates.)

Jawatankuasa ini akan menyemak dan memberi pencalonan berdasarkan kriteria dan skema yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini juga akan **mempertimbangkan calon-calon yang layak untuk menerima Anugerah Gemilang Siswa mengikut kategori yang telah ditetapkan.**

(consider eligible and deserving candidates to receive the Student Excellence Award in accordance with the categories set.)

Untuk makluman sidang hadirin sekalian, Majlis Anugerah Gemilang Siswa yang diadakan pada setiap tahun ini bukan sahaja dihadiri oleh para penerima anugerah yang merupakan mahasiswa UniMAP malah pelajar-pelajar daripada institusi pendidikan yang terpilih turut dijemput sebagai tanda penghargaan di atas kejayaan yang diperolehi.

Hadirin yang Saya Kasihi Sekalian,

Saya juga berharap kepada **semua pelajar agar bersedia secara mental dan fizikal untuk mengharungi alam kerjaya yang pastinya dipenuhi dengan pelbagai cabaran.**

(All students to constantly be prepared mentally and physically in order to face the ever challenging career world)

Persiapkan diri dengan segala kemungkinan dan perubahan, melalui kekentalan jiwa dan kematangan minda. Sebarkanlah ilmu pengetahuan yang anda perolehi sepanjang pengajian dan yang paling penting, anda tidak lupa untuk berbakti kepada masyarakat dan negara.

UniMAP memerlukan graduan yang berkualiti seperti anda untuk merealisasikan impian dan harapan serta misi dan visi ke arah bangsa, negara dan ummah yang progresif.

(UniMAP requires top quality graduates like you in order to realize the dreams, hopes, mission and vision towards developing progressive citizens, race, and nation)

Kepada anda semualah, kami lontarkan pengharapan yang tinggi agar negara kita Malaysia sentiasa berada dalam kegemilangan.

Sebagai mahasiswa UniMAP, saya menyeru kepada anda semua agar sama-samalah mencurahkan khidmat dan bakti bagi membantu adik-adik pelajar yang lain untuk cemerlang seperti anda juga. Ingatlah, anda adalah pemimpin kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat.

(I call upon all of you to collectively serve and provide continuous assistance and encouragement to your juniors to follow your

footsteps in attaining excellence. Do remember that, you are a leader to yourself, your family and your society)

Jadikanlah diri anda sebagai tauladan dan contoh ikutan yang baik kepada masyarakat dengan akhlak yang terpuji dan sifat budi pekerti yang mulia apabila menempuh alam kerjaya nanti. Berusahalah bersungguh-sungguh dalam bidang yang bakal anda ceburi sebagaimana anda telah memberikan komitmen dan pengorbanan yang tinggi dalam mengejar cita-cita anda ke menara gading.

Sebelum mengundurkan diri, sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima-penerima anugerah bagi tahun 2009 ini.

Semoga anugerah yang diterima akan menjadi satu momentum dan daya saing untuk anda lebih berusaha dengan lebih gigih lagi, selain dapat melahirkan mahasiswa yang bersedia melakukan transformasi sikap dan revolusi mental yang berupaya menterjemahkan semangat untuk memberi dalam komuniti atau organisasi.

**Pergi Ke China Untuk Mengembara,
Terjumpa Si Dara Pujaan Hati,
Graduan Berkualiti Harapan Negara,
Memacu Negara Memartabatkan Universiti.**

**Adat Resam Jadi Panduan,
Membentuk Peribadi Anak Bangsa,
Jurutera Berinovasi Tunggak Kemajuan,
Mencorak Pembangunan Memajukan Negara.**

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh